



Siti Nur Suraya Mohamed Ali
(IBCLC)
Managing Director, Lunaworks Sdn Bhd

Melihat seorang anak merampas permainan kepunyaan anak yang lain mungkin mengecewakan hati ibu yang telah bersungguh-sungguh mengajar anak tentang berkongsi. Begitu juga apabila anak itu kedekut menyerahkan permainannya untuk bermain bersama rakan lain.

Tidak mengapa, mereka masih anak kecil dan ia adalah normal melakukan apa yang sepatutnya anak kecil lakukan. Sehingga usia mereka mencecah lapan tahun, mereka secara psikologinya belum dapat merasai perasaan orang lain.

Berkongsi ialah suatu skil yang perlu diasah selain skil bertolak-ansur. Dua skil ini akan selalu digunakan sehingga dewasa. Sebagai ibu bapa kita perlu meneruskan adikan berkongsi kepada anak ini.

Berikut antara langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi menerapkan amalan berkongsi kepada anak kecil.

1 Bertanya dengan baik
Layan anak kecil ini umpama orang dewasa. Berikan peluang untuknya. Jangan bertanyakan "Adik mau kongsi biskut ini bersama kawan baru Adik?"
Pastinya anak anda akan lebih gembira menikmati bersama berbanding jika anda memberi arahan "Berikan sedikit biskut Adik pada kawan".

Latih Anak Skil Berkongsi



2 Bertilih berkongsi
Mulakan latihan berkongsi dengan sesuatu yang banyak seperti sebekas coklat atau sebekas epal untuk dimakan bersama. Sentiasa beritahunya bahawa perbuatan berkongsi ini akan membuatkan kawannya gembira dan mahu berkongsi perkara lain suatu hari nanti. Jangan lupa memuji kebaikan yang telah anak kecil lakukan terutamanya kejayaan mereka berkongsi.

3 Perkongsian positif
Katakan barang yang sedang anak kecil ini main diminta oleh kawannya, dan alat permainan ini hanya ada satu sahaja.

Usah rampas atau minta dia berikan terus kepada kawan barunya yang meminta itu. Beritahu kepada anak, bagaimana jika dia bermain selama 15 minit dan kemudian memberikan kawannya bermain selama 15 minit juga.

Kunci jam jika perlu dan jangan lupa minta persetujuan daripada kawan anak tersebut (dan ibu bapanya) mengenai tempoh waktu yang dipersetujui.

Sekiranya permainan itu adalah sesuatu yang tidak dapat dikongsi, tidak mengapa. Bantu anak kita untuk belajar

skil memberitahu atau negotiate kepada kawannya.

4 Simpan barang yang disayangi
Sekiranya anak kecil kita tidak mahu berkongsi permainannya dengan kawan-kawan di mana mungkin ia permainan yang amat disayangnya, latih mereka untuk menyimpan dengan baik. Atau sekiranya kita membawa anak kita ke rumah kawannya, beritahu kawan tersebut untuk menyimpan sebarang permainan yang beliau tidak mahu kongsi.

5 Beli alat permainan yang boleh dimainkan beramai-ramai
Tip berguna untuk ibu bapa yang mempunyai anak kecil, sediakan permainan yang boleh dikongsi ramai seperti kertas kosong dan pensel warna atau lego bricks mahupun gelang getah. Permainan seperti ini melatih anak-anak bertolak ansur dan bergembira bersama.

6 Tunjukkan feaidan berkongsi
Kongsi makanan contohnya sepahut biskut bersama anak kecil. Ketawa dan bergembira meraikan perkongsian tersebut. Kegembiraan sepatutnya diraikan dan dikongsi bersama bukan?